

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN
PELAJAR KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI: KAJIAN DI
KUIN**

NUR JAM'ATUR RAHMAH BINTI MOHAMED NAWAWI

**SARJANA SAINS (PENGURUSAN)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
JUN 2015**

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN PELAJAR
KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI: KAJIAN DI KUIN**

OLEH:

NUR JAM'ATUR RAHMAH BINTI MOHAMED NAWAWI

**KertasProjekIniDiserahkanKepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
BagiMemenuhiPengijazahan**

KEBENARAN MERUJUK

Kertas projek ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat pengijazahan program sarjana daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), saya membenarkan pihak perpustakaan universiti ini mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian kertas projek ini dengan tujuan akademik adalah dibenarkan dengan persetujuan penyelia projek atau Dekan Falkulti Pengurusan Perniagaan. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan-tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis dari penyelidik. Perlu diingatkan, bahawa sebarang bentuk penghargaan hendaklah diberikan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di atas sebarang kegunaan yang mungkin dihasilkan dari bahan kertas projek ini.

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk menyalin atau kegunaan lain dari bahan kertas projek ini, keseluruhan atau sebahagian perlulah dipohon melalui:

Dekan Sekolah Perniagaan Pascasiswazah Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Pendidikan tinggi di Malaysia mengalami perubahan bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara dan pasaran antarabangsa. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT dan mengkaji hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT. Data telah dikumpul melalui soal selidik dan dianalisa dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS). Seramai 196 pelajar di KUIN memberikan maklum balas menerusi borang kaji selidik. Hasil dari kajian telah menunjukkan hubungan positif di antara faktor-faktor pemilihan pelajar ke IPT. Kajian ini dapat membantu memberi manfaat dan sumbangan dari segi maklumat dan data kepada banyak pihak untuk mengenalpasti faktor pemilihan pelajar ke IPT.

Kata-kata Kunci: pemilihan IPT, maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastuktur.

ABSTRACT

Higher education system in Malaysia has been transformed coherent with the country's development and international market. This study was conducted to identify the factors that influence the selection of students to the university. The objective of this study was to determine the relationship between sources of information and influence, financial, reputation with the selection of students to university and study the relationship between infrastructure and the choice of students to IPT. Data were collected through questionnaires and analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS). A total of 196 students in KUIN provide feedback through survey forms. Result from this research will be the source of information and beneficial to everyone to identify the factors of influencing the selection of students to IPT.

Keywords: IPT selection, information and influence, finance, reputation and infrastructure.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya dapat saya menyiapkan kajian ini dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia iaitu Dr Ooi Yeng Keat yang telah berkorban masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat tanpa mengira masa dalam penulisan kajian ini dapat disiapkan.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat kedua ibu ayah dan keluarga tercinta kerana banyak memberi sokongan. Tidak lupa kepada sahabat baik saya Farid Muhammad dan Mohd Firdaus Zakaria yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan galakan yang diberi secara berterusan sangat dihargai dalam menyiapkan kertas projek ini.

Ucapan berterima kasih kepada pelajar-pelajar Kolej Universiti Insaniah yang mengambil masa untuk menjawab soal selidik kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang membantu secara tidak langsung dalam menjalankan kajian.

Sekali lagi, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak di atas segala bantuan dan nasihat yang diberikan. Jasa kalian semua amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
KEBENARAN MERUJUK	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT.....	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI KEPENDEKAN	viii
SENARAI GAMBAR RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x

BAB SATU: PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	10
1.6	Skop Kajian	11
1.7	Definisi Istilah	11
	1.7.1 Sumber Maklumat dan Pengaruh.....	11
	1.7.2 Kewangan.....	12
	1.7.3 Reputasi.....	12
	1.7.4 Infrastruktur.....	12
	1.7.5 Pemilihan Pelajar.....	12
1.8	Pengorganisasian Laporan	13

BAB DUA: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Pendahuluan	14
2.3	Teori Set Kabur.....	16

2.4	Pemilihan Pelajar.....	17
2.5	Sumber Maklumat dan Pengaruh	19
2.6	Kewangan	22
2.7	Reputasi	24
2.8	Infrastruktur	27
2.9	Kesimpulan.....	30

BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	31
	3.1.1 Pembolehubah Kajian	31
3.2	Rangka Kerja Kajian	31
3.3	Hipotesis	32
3.4	Reka Bentuk Kajian	32
3.5	Pengumpulan Data	33
	3.5.1 Populasi Data	33
3.6	Persampelan	33
	3.6.1 Teknik Persampelan	34
3.7	Instrumen Kajian	36
	3.7.1 Ukuran Pembolehubah	39
3.8	Statistik kajian dan Analisis	40
	3.8.1 Analisis Deskriptif	40
	3.8.2 Analisis Korelasi	41
	3.8.3 Analisis Regresi Linear Berganda	42
3.9	Kajian Rintis	42
3.10	Kesimpulan.....	44

BAB EMPAT: HASIL KAJIAN

4.1	Pendahuluan	45
4.2	Analisis Umum Pengumpulan Data	45
4.3	Analisa Demografi Responden	45
	4.3.1 Jantina	46
	4.3.2 Umur	46
	4.3.3 Taraf Pendidikan	46

4.4	Kebolehpercayaan Kajian	48
4.5	Kajian Korelasi	49
4.6	Analisis Regresi Linear	50
4.7	Hasil Analisis Regresi Linear.....	53
4.8	Kesimpulan	54

BAB LIMA: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	55
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	55
5.2.1	Sumber maklumat dan pengaruh bagi pemilihan pelajar ke IPT	56
5.2.2	Kewangan bagi pemilihan pelajar ke IPT.....	57
5.2.3	Reputasi bagi pemilihan pelajar ke IPT	58
5.2.4	Infrastruktur bagi pemilihan pelajar ke IPT ...	59
5.3	Limitasi Kajian dan Cadangan	60
5.3.1	Promosi dan Publisiti	60
5.3.2	Program Pengajian	62
5.4	Kesimpulan	63
	RUJUKAN	64
	LAMPIRAN 1.....	75
	LAMPIRAN 2.....	80
	LAMPIRAN 3.....	81
	LAMPIRAN 4.....	82
	LAMPIRAN 5.....	84
	LAMPIRAN 6.....	85
	LAMPIRAN 7.....	87

SENARAI KEPENDEKAN

IPT	-	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
IPTA	-	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM
IPTS	-	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA
MQA	-	MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY
KUIN	-	KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
SPM	-	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
STPM	-	SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA
STAM	-	SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA

SENARAI GAMBAR RAJAH

HALAMAN

Rajah 3.1 Rangka Kerja Kajian

31

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 3.2	Sampel Populasi	34
Jadual 3.3	Item Pembolehubah Bersandar dan Tidak Bersandar	37
Jadual 3.4	Ukuran Pembolehubah	40
Jadual 3.5	Cronbach's Alpha	43
Jadual 3.6	Keputusa Ujian Kebolehpercayaan	44
Jadual 4.1	Taburan Responden Berdasarkan Demografi	47
Jadual 4.2	Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan	48
Jadual 4.3	Korelasi Pearson	49
Jadual 4.4	Analisis Regresi Linear	52
Jadual 4.5	Hasil Ujian Hipotesis	53

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Negara maju adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berpendidikan (Idrus dan Zaharuddin, 2001). Pendidikan menjana insan berkualiti bermaksud melahirkan generasi modal insan yang berpengetahuan daripada pelbagai aspek iaitu dari segi akhlak, pemikiran dan perilakunya. Insan yang berkualiti merupakan insan yang mempunyai pegangan agama yang kukuh serta mempunyai keyakinan diri yang kental dalam menghadapi cabaran (Ahmad, 2008).

Matlamat pendidikan Malaysia adalah untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Jelaslah ini menunjukkan bahawa pendidikan penting dalam pembentukan masyarakat yang berjaya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Dengan adanya pendidikan ia mampu mengubah taraf kehidupan seseorang. Ilmu yang diperolehi sama ada secara langsung atau tidak langsung mampu merubah kehidupan seseorang menjadi lebih baik. Oleh itu, peranan pendidikan amatlah penting di mana ianya mempunyai impak yang besar di dalam kehidupan untuk membina sebuah kehidupan yang berkualiti (Ross dan Wu, 1996).

Pendidikan mempunyai peranan yang besar di dalam pembangunan sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara dapat dilihat dari segi kemajuan pendidikannya. Pendidikan tinggi di Malaysia juga turut mengalami perubahan bagi memenuhi aspirasi tuntutan pembangunan negara. Oleh itu, sistem pendidikan tinggi Malaysia kini lebih terbuka dan berhasrat menjadikan hub pendidikan tinggi maju di rantau ini (Harun, 2009).

Pendidikan yang berkualiti mampu menjadikan Malaysia sebagai hub atau pusat pendidikan serantau. Sebagai contoh, beberapa buah universiti penyelidikan di Malaysia bertungkus lumus untuk menjalankan penyelidikan dalam pelbagai aspek bagi meningkatkan taraf pendidikan Malaysia (Idrus dan Zaharuddin, 2001). Oleh itu, banyak sektor tempatan seperti sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan dapat dimajukan dan membuktikan bahawa pendidikan yang berkualiti dapat memajukan negara (Saad, 2007).

Pendidikan merupakan salah satu elemen utama untuk merealisasikan aspirasi negara. Apabila berlakunya perubahan di peringkat global ia memberi cabaran terhadap perancangan pendidikan negara. Lebih penting lagi fungsi institusi pengajian tinggi dalam merancang untuk mempopularkan IPT memerlukan anjakan paradigma yang akan memberi kesan kepada cara berfikir, mengatur strategi dan pelaksanaan. Di samping itu, yuran IPT di Malaysia adalah berpatutan berbanding di luar negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia (Nordin, 2012).

Tujuan IPT ditubuhkan adalah untuk melahirkan para sejarawan dan ilmunan yang mahir berfikir dan mengembangkan ilmu dalam pelbagai bidang (Zazali, Rozelina, Maisura dan Nabihah, 2005). IPT di Malaysia termasuk universiti awam dan swasta, politeknik serta kolej komuniti penting di dalam membina dan membangunkan bakat-bakat cemerlang menjadi rujukan dan dihormati oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa (Berita Harian, 2015).

Statistik dari Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan sehingga 31 Januari 2015, Malaysia mempunyai 20 buah universiti awam, iaitu 5 buah universiti penyelidikan, 4 buah universiti komprehensif dan 11 buah universiti berfokus (teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan), 61 buah universiti swasta serta 9 buah kampus cawangan universiti luar negara, 34 buah kolej universiti swasta, dan 406 kolej (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

IPT juga memerlukan perancangan strategi yang tersendiri. Walaupun pada dasarnya objektif utama sesebuah institusi pengajian ialah memberikan perkhidmatan sosial dan melahirkan graduan yang cemerlang dalam pelbagai bidang pengajian, namun ianya tidak boleh melupakan persaingan dan ancaman daripada unsur-unsur luar. Seandainya sesebuah IPT tidak memikirkan perkara yang berkaitan dengan ancaman itu, kemungkinan IPT tersebut akan menghadapi masalah dari segi kemerosotan kemasukan pelajar, kualiti dan produktiviti menurun, pencapaian akademik pelajar lemah, peluang pelajar untuk mendapat pekerjaan susah, reputasi di peringkat global jatuh dan pelbagai lagi masalah yang akan dihadapi (Ibrahim, 2014).

Pengajian tinggi hari ini menghadapi cabaran yang dinamik ekoran daripada fenomena globalisasi di mana penukaran corak permintaan dan kerelevanan IPT (Othman dan Junizah, 2014). Dalam menghadapi persaingan ekonomi global pada masa ini, kejayaan sesebuah negara bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyat (Hair, Ramli dan Ibrahim, 2012).

Selaras dengan perkembangan dunia global, Malaysia merupakan destinasi ketiga penting dalam dunia pendidikan tinggi (Verbik dan Lasanowaki, 2007). Oleh itu, pelajar memilih untuk belajar di luar negara kerana ingin mendapatkan pengalaman, sistem belajar dan budaya yang baru (Harun, 2009). Selain itu, pelajar berpendapat bahawa negara yang dipilih dapat menyediakan sistem pembelajaran yang bermutu dan lebih baik daripada negara asal (Mok, 2011).

Selain itui juga, sistem pendidikan negara telah menjadi perhatian dan perbahasan, di mana ibu bapa mempersoalkan keberkesanan sistem pendidikan negara dalam menghasilkan pelajar yang mampu berdaya saing dan majikan menyuarakan kebimbangan terhadap keupayaan sistem pendidikan dalam menghasilkan graduan yang mampu menghadapi cabaran di dalam bidang pekerjaan yang semakin mencabar (Zazali et al., 2005).

Menurut Meshi, Drew, Saxe, Ansorge, David, Santarelli dan Hen (2006), kajian menunjukkan pelajar menilai lokasi, perkhidmatan bukan akademik dan biasiswa untuk memilih IPT. Selain itu, kajian penyelidikan yang dijalankan terhadap pelajar di

negara China mendedahkan bahawa mereka memilih IPT antarabangsa berdasarkan kemampuan, prestasi dan kualiti sesebuah institusi (Hannukainen, 2008).

Menurut Zamri dan Razak (2013), bagi meneruskan pengajian di IPT beberapa kriteria perlu di ambil kira seperti pencapaian akademik dan kokurikulum. Pemilihan institusi mana yang hendak dipilih dari segi minat, cita-cita pelajar serta pengaruh ibu bapa atau rakan sebaya (Zamri dan Razak, 2013). Cara pemilihan pelajar ke IPT merupakan peluang kepada institusi untuk meningkatkan penilaian prestasi perkhidmatan (Crossman, 2010). Oleh itu, kertas kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

Empat faktor yang dikaji adalah sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastruktur. Sumber maklumat memainkan peranan yang penting di dalam membuat keputusan dan membantu mengurangkan ketidakpastian (Jusoh, 2006). Yuran dan kos perbelanjaan pengajian merupakan faktor yang boleh memberi implikasi kepada kewangan pelajar dalam memilih IPT untuk meneruskan pengajian (Azhar dan Suzieliana, 2003).

Reputasi IPT juga merupakan faktor yang perlu dipertimbangkan, sebab hal ini berkaitan dengan masa hadapan pelajar. Reputasi cemerlang IPT mempengaruhi majikan memilih pelajar daripada IPT tersebut (Saputra, 2014). Menurut Prajarto (2008), infrastruktur ditakrifkan sebagai kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi. Pelajar memilih IPT yang menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi memudahkan proses pembelajaran (Samsudin, 2004).

1.2 Penyataan Masalah

Pemilihan bidang pengajian menjadi masalah utama kepada bakal pelajar kerana kurang pendedahan. Namun pihak kerajaan khususnya KPM telah mengambil tindakan dengan mengadakan ekspo pendidikan pada setiap tahun bagi tujuan mempromosikan IPT. Banyak kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS untuk melanjutkan pelajaran dengan bidang yang spesifik. Antara kursus yang umumnya didengar oleh pelajar adalah seperti kursus kedoktoran, kejuruteraan, bidang sains, teknologi maklumat, perakaunan serta pengurusan. Namun pelajar tidak sedari akan kepentingan kursus lain yang semakin penting pengisiannya bagi menampung kekurangan tenaga kerja seperti Pengajian Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor pemilihan pelajar ke IPT di Kolej Universiti Insaniah. Data statistik kemasukan pelajar baru ke KUIN mengalami penurunan yang ketara daripada tahun 2011 hingga 2014 di mana pada tahun 2010 seramai 2616 jumlah bilangan pelajar baru telah mendaftar di KUIN. Pada tahun 2011 seramai 2218, tahun 2012 seramai 1750, tahun 2013 seramai 1182 dan tahun 2014 seramai 1160 (Jabatan Hal Ehwal Akademik, KUIN) berdasarkan maklumat ini, penurunan kemasukan pelajar baru ke KUIN menurun setiap tahun. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor hubungan yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT (KUIN).

Persoalannya, adakah terdapat hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT?. Penerimaan sumber maklumat dan pengaruh yang terhad atau tidak jelas daripada pihak KUIN menyebabkan berlakunya penurunan seperti pelajar di luar bandar pengaruh daripada rakan sebaya tidak mempengaruhi pemilihan pelajar ke KUIN. Oleh itu, kajian ini untuk mengenalpasti hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT (KUIN).

Adakah terdapat hubungan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT?. Kenaikan yuran pengajian yang tinggi daripada pihak KUIN menyebabkan pelajar yang kurang berkemampuan tidak memilih KUIN untuk meneruskan pengajian. Ini kerana dahulu faktor yang menarik pelajar ke KUIN adalah yuran yang rendah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT (KUIN).

Reputasi institusi merupakan faktor utama menarik pelajar dalam memilih sesebuah institusi. KUIN sebelum ini menghadapi masalah daripada pelbagai isu seperti pihak tertentu mencetuskan pelbagai isu di KUIN dalam menarik sokongan politik terhadap mereka menyebabkan imej KUIN tercemar. Kajian ini untuk mengenalpasti reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT di KUIN. Adakah terdapat hubungan di antara reputasi institusi dengan pemilihan pelajar ke IPT di KUIN?.

Infrastruktur yang tidak lengkap menyebabkan pelajar tidak memilih untuk menyambung pengajian ke KUIN seperti asrama, pusat sukan dan sebagainya. Adakah terdapat hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT di

KUIN?. Objektif kajian ini untuk mengenalpasti hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT (KUIN).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT (KUIN). Pengkaji meletakkan empat faktor iaitu sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastruktur dalam menentukan pemilihan pelajar ke IPT. Hanya IPT yang terbaik sahaja yang akan menjadi pilihan seseorang pelajar bagi menyambung pengajiannya.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian ini menjawab soalan-soalan berikut:

- 1) Adakah terdapat hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi?
- 2) Adakah terdapat hubungan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi?
- 3) Adakah terdapat hubungan di antara reputasi institusi dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi?
- 4) Adakah terdapat hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi?

1.4 Objektif Kajian

- 1) Untuk mengenalpasti hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi.
- 2) Untuk mengenalpasti hubungan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi.
- 3) Untuk mengenalpasti hubungan di antara reputasi institusi dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi.
- 4) Untuk mengkaji hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Pengkaji merasakan bahawa kajian ini adalah penting dilakukan oleh IPT. Kajian ini dijalankan agar dapat membantu pihak universiti dan kolej untuk meningkatkan prestasi IPT serta menambah baik infrastruktur IPT.

IPT perlu mengkaji apakah faktor-faktor dalam pemilihan pelajar ke universiti kerana ia adalah penting dalam mengekalkan kualiti dan taraf institusi. Kemasukan pelajar memberi sumbangan ekonomi yang besar kepada universiti. Untuk menarik pelajar, universiti atau kolej perlu tahu keperluan pelajar melalui pelbagai kaedah dan ada juga dengan meminta pendapat dan pandangan pelajar terhadap universiti (Bakar, Saberi, Faisol, Derus dan Dahlan, 2012).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menentukan ciri-ciri pilihan universiti atau kolej dan inisiatif yang diambil oleh pelajar dalam membuat keputusan mengenai masa depan mereka. Jelas bahawa hasil kajian penting untuk mengenalpasti sejauh mana faktor-faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pelajar dalam memilih universiti atau kolej (Jusoh, 2006).

Hampir kesemua pelajar peringkat menengah di Malaysia mempunyai impian untuk melanjutkan pengajian ke IPT. Ini merupakan satu jaminan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik pada masa hadapan pelajar (Bakar *et al.*, 2012). Oleh itu, pemilihan IPT yang tepat adalah satu keputusan penting yang perlu dilakukan untuk merelisasikan apa yang mereka impikan.

Namun faktor yang mempengaruhi pelajar untuk memilih sesuatu IPT tersebut masih kurang jelas. Ramai pelajar keliru dalam memastikan program dan universiti yang terbaik untuk mereka (Ariffin, 2011). Oleh itu, kajian ini mengkaji faktor yang berkaitan dengan pemilihan pelajar ke IPT.

1.6 Skop kajian

Skop kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji memilih responden dari kalangan pelajar Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kuala Ketil, Kedah Darul Aman sebagai sampel kajian. Penyelidik mengkhususkan pelajar tahun pertama sesi 2014/2015 di KUIN.

1.7 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan atau menerangkan maksud perbendaharaan kata yang hendak disampaikan oleh penyelidik seperti:

1.7.1 Sumber Maklumat dan Pengaruh

Sumber maklumat ialah suatu bentuk penerangan yang dibuat berdasarkan sumber yang diperolehi dalam bentuk data hasil daripada pemprosesan, pengumpulan dan penganalisan data yang kemudiannya dapat memberi manfaat dan menambah tahap pengetahuan kepada penerima maklumat tersebut (Lau, 2006).

Pengaruh ialah satu kuasa yang dapat mempengaruhi orang lain supaya bertindak dengan cara tertentu (Buntat, 2010). Oleh itu, dalam kajian ini pemilihan pelajar ke IPT dipilih berdasarkan sumber maklumat dan pengaruh yang diperolehi.

1.7.2 Kewangan

Kewangan merupakan aktiviti penggunaan perbelanjaan, pengurusan wang dan pelaburan (Syahidah, 2012). Kewangan merupakan kos perbelanjaan dan yuran pengajian pelajar dalam pemilihan ke IPT bagi kajian ini.

1.7.3 Reputasi

Reputasi adalah pencapaian yang dapat dilihat oleh masyarakat sama ada pencapaian yang diperolehi baik atau buruk (Mohamad dan Tap, 2002). Kajian ini merujuk kepada reputasi institusi.

1.7.4 Infrastruktur

Menurut Edwards, Jackson, Bowker dan Knobel (2007), infrastruktur adalah satu prasarana yang melibatkan kemudahan atau perkhidmatan membentuk satu rangka yang menyokong keseluruhan struktur tertentu. Dalam kajian ini, infrastruktur merangkumi kemudahan penginapan, pengangkutan, perpustakaan, pusat komputer, dan sebagainya.

1.7.5 Pemilihan Pelajar

Dalam kajian ini, pemilihan pelajar adalah matlamat dan nilai pelajar di dalam pemilihan ke IPT bagi meneruskan pengajian.

1.8 Pengorganisasian Laporan

Bab ini membicarakan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi istilah. Bab dua membicarakan kajian terdahulu, ulasan dan hubungan hasilnya. Bab tiga membicarakan tentang metodologi bagi menguraikan secara perinci mengenai kaedah dan teknik yang sesuai digunakan untuk menganalisis data. Dalam kajian ini termasuk rangka kerja kajian, hipotesis, reka bentuk kajian. Pengumpulan data dan statistik kajian analisis. Di dalam bab empat, hasil empirikal dan penemuan telah dibentangkan dalam beberapa cara untuk perbandingan dan urutan hubungan. Bab lima membicarakan tentang kesimpulan dan cadangan, daripada keputusan dan penemuan dalam bab empat. Kesimpulan dibuat berdasarkan kajian yang telah dijalankan.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, beberapa faktor berkaitan dengan kajian dibincangkan. Faktor-faktor tersebut merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan proses pemilihan pelajar ke IPT.

2.2 Pendahuluan

Pendidikan tinggi merupakan pemangkin kepada ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Ianya juga merupakan pembangunan tenaga kerja tempatan serta dapat meningkatkan pendapatan tambahan ekonomi negara. Di Amerika Syarikat, pendidikan merupakan pasaran eksport kedua terbesar selepas pertanian dan kedua terbesar industri dalam negeri selepas penjagaan kesihatan (Abeless, 2001).

Perkembangan pendidikan yang pesat di Malaysia telah membuka banyak peluang dan ruang kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di IPTA atau IPTS. Proses membuat pemilihan tempat dan kursus pengajian juga menjadi semakin sukar kerana semua IPT ini menawarkan pelbagai pilihan program berkualiti dan berdaya saing yang bertujuan menarik perhatian pelajar (Mohamad dan Tap, 2002).

Terdapat beberapa langkah drastik untuk penubuhan pendidikan di Malaysia. Ia dapat diperhatikan apabila terdapat kewujudan institusi yang menawarkan pelbagai program yang ditawarkan kepada pelajar (Sailin, Othman, Hamid, Khalid, Awang dan Nor 2014). Kementerian Pendidikan telah mengambil usaha untuk mengembangkan sektor pengajian tinggi Malaysia. Langkah yang diambil adalah untuk menjadikan sektor pendidikan di Malaysia seiring dengan industri pendidikan di luar negara (Ariffin, 2011).

Bagi memajukan sektor pendidikan Malaysia yang berkualiti dan mampu berdaya saing dengan negara maju yang lain, beberapa faktor yang berkaitan dengan pemilihan pelajar ke IPT merupakan satu langkah bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Kajian terdahulu Mohamad dan Tap (2002) telah membincangkan model set kabur untuk membantu pilihan pelajar ke IPT. Pengkaji sering mengaitkan model set kabur dari perspektif ekonomi, sosiologi atau kombinasi kedua-dua perspektif.

Menurut Mohamad dan Tap (2002), model set kabur digunakan untuk melihat perbezaan dalam keputusan pemilihan pelajar ke IPT, di dalam model set kabur faktor-faktor dalam ekonomi dan sosiologi mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Selain itu, faktor-faktor lain seperti bidang pengajian, prospek pekerjaan, reputasi institusi, lokasi dan sebagainya dikaitkan dalam pemilihan pelajar ke IPT (Ismail, 2009).

2.3 Teori Set Kabur

Kajian ini menggunakan teori set kabur. Teori set kabur pertama kali diperkenalkan oleh Lotfi A. Zadeh pada tahun 1965. Teori ini menyediakan suatu keperluan fleksibel untuk mewakili keputusan yang tidak menentu akibat dari kekurangan pengetahuan. Oleh itu, teori set kabur sepertimana yang dicadangkan oleh Zadeh (1965) amat sesuai digunakan untuk mengkaji masalah yang melibatkan sesuatu pandangan yang bersifat subjektif, kabur, samar dan tidak pasti. Selain itu, teori ini juga berupaya menyelesaikan masalah kepelbagaian isu (Yusof dan Jemain, 2004). Dalam kehidupan seharian manusia selalu terdedah dengan unsur kekaburan dan ketidakpastian. Dalam menentukan pemilihan yang penting, pelajar-pelajar sebagai pembuat keputusan kadangkala begitu sukar untuk menentukan kepentingan sesuatu kriteria akibat daripada kekurangan maklumat. Oleh itu, setiap pelajar menggunakan pendekatan yang berbeza untuk menggambarkan kecenderungan mereka terhadap kriteria tersebut mengikut idea, sikap, motivasi dan personaliti masing-masing. Pelajar menggunakan pelbagai bentuk kecenderungan seperti sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi institusi dan infrastruktur dalam pemilihan bagi menggambarkan kecenderungan pelajar (Chiclana, Herrere dan Viedam, 1998).

2.4 Pemilihan Pelajar

Dalam kebanyakan IPTA atau IPTS yang terdapat di Malaysia, ada di antaranya yang sering menjadi buah mulut golongan pelajar yang masih berada di bangku sekolah mahupun pelajar yang sedang menunggu keputusan SPM atau STPM. Mereka secara tidak langsung telah menyenaraikan senarai IPTA atau IPTS yang paling popular serta menjadi impian seawal di bangku sekolah lagi (Sailin, 2006). Pasti menjadi harapan semua orang untuk melangkah masuk ke Universiti bagi melanjutkan pelajaran. Tidak kiralah IPTA ataupun IPTS apa yang penting impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kesampaian dan dapat direalisasikan (Idrus dan Zaharuddin, 2001).

Pilihan IPT, kursus dan perkara-perkara yang melibatkan pembelajaran adalah menjadi tanggungjawab dan harus diberikan perhatian (Mohamad dan Tap, 2002). Melanjutkan pengajian di IPT sememangnya menuntut pelbagai persiapan sama ada dari segi mental dan fizikal. Ini kerana, perjalanan pengajian di IPT sama sekali tidak sama dengan gaya serta cara pembelajaran di sekolah menengah. Jika di sekolah, pelajar perlu mengikut bimbingan daripada guru serta terikat dengan peraturan sekolah tetapi berlainan situasinya di IPT. Pelajar perlu pandai merancang perjalanan pengajian dengan menentukan sendiri masa belajar berpanduan kesesuaian jam kredit yang diambil (Shahri, 2004).

Bagi memilih IPT yang ingin dipohon, terdapat beberapa faktor yang diambil kira mengikut persepsi pelajar. Antaranya adalah seperti jenis kursus yang ditawarkan di IPT berkenaan, reputasi akademik, persekitaran kampus, kualiti staf, jenis IPT, nasihat

keluarga, pengaruh kawan, kos termasuk yuran pengajian dan sebagainya. Faktor-faktor yang disenaraikan mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam memilih IPT yang dirasakan paling bagus bagi pelajar (Jusoh, 2006).

Pemilihan sesuatu program pengajian ke IPT dipengaruhi oleh satu set perwatakan pelajar serta kombinasi satu siri pengaruh luaran iaitu pengaruh orang yang berkepentingan, ciri-ciri tetap institusi dan inisiatif institusi tersebut berkomunikasi dengan bakal pelajar (Othman dan Juniz, 2014). Tindakan pelajar dalam pemilihan ke IPT dilihat berubah kerana strategi pemasaran daripada IPTS yang mempamirkan kemudahan dan keseronokan pembelajaran semasa di IPTS menyebabkan pelajar yang terpengaruh cenderung memilih IPTS berbanding IPTA di mana situasi yang sebenar amat berbeza dengan apa yang diiklankan (Jusoh, 2006).

Pemilihan bidang pengajian yang mementingkan kesesuaian jiwa atau peribadi pelajar dengan program pengajian yang bakal diikuti turut memberi kesan terhadap pelajar dalam membuat keputusan. Seperti yang diketahui, bidang pengajian merupakan penentu kepada laluan kerjaya seseorang pada masa hadapan. Walaupun perkara ini terlalu sukar untuk dihuraikan, namun teori kerjaya yang telah dibina oleh pakar-pakar terdahulu seperti Holland mampu memberikan gambaran yang jelas tentang hubungan antara kedua-duanya. Menurut tokoh tersebut, trait personaliti individu perlulah dipadankan dengan ciri persekitaran yang sesuai dengan trait tersebut supaya individu tersebut dapat menyerlahkan potensi diri mereka (Sidek 2008).

Justeru, pelajar lepasan sekolah yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT haruslah bijak memilih bidang serta institusi pengajian mengikut kesesuaian pasaran pekerjaan. Kesilapan memilih bidang pengkhususan menyebabkan kerugian bukan sahaja dari aspek masa malah juga aspek kewangan. Selain itu, apabila pelajar tamat pengajian sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Hal ini harus diambil berat oleh setiap individu yang bakal bergelar pelajar IPT bak kata orang keputusan di tangan kita sebagai penentu segalanya (Pradiptia, 2010).

2.5 Sumber Maklumat dan Pengaruh

Menurut Webber (2010), maklumat didefinisikan sebagai data, pengetahuan yang diperolehi melalui bahan bacaan atau pencarian dari internet. Pengaruh menurut Iberahim (2014), adalah satu daya tarikan yang membentuk watak, kepercayaan atau perbuatan seseorang. Manakala pengaruh boleh ditakrifkan sebagai maklumat dan tekanan dari individu, kumpulan dan media masa yang berkesan, bagaimana seseorang berkelakuan. Pengaruh juga dapat dilihat dari aspek ekonomi, social dan politik (Hoyer dan Macinnis, 2000).

Maklumat dan pengaruh menurut model Jackson (1982), membincangkan tentang faktor-faktor yang berbeza di pelbagai peringkat. Ia merupakan model tiga peringkat iaitu keutamaan, pengecualian dan penilaian. Pada peringkat keutamaan bagi pemilihan IPT, model ini menjangka bahawa pencapaian pelajar adalah yang paling berpengaruh berbanding dengan faktor-faktor lain seperti latar belakang dan kualiti

IPT. Pada peringkat pengecualian ini adalah peringkat pelajar mengumpul maklumat mengenai IPT.

Maklumat yang mudah untuk diakses dapat mempengaruhi tarikan pelajar (Beine, 2011). Kepuasan terhadap maklumat mengenai pengiktirafan akademik mendorong pelajar memilih IPT (Ismail, 2009). Faktor sebaran maklumat iaitu strategi pemasaran yang dilakukan oleh IPT terutamanya IPTS menjadi antara faktor menarik pelajar memilih kursus pengajian yang ditawarkan oleh IPT tersebut. Sumber maklumat yang tepat membantu pemilihan pelajar ke IPT (Jusoh, 2006).

Pengaruh normatif adalah pengaruh dari budaya masyarakat terhadap seseorang melalui ukuran sosial yang perlu dipatuhi dan diikuti. Dapat ditakrifkan sebagai kesan yang timbul dari individu yang memiliki keinginan yang disukai, diterima dan dipersetujui orang lain. Pengaruh normatif adalah tekanan sosial yang dikenakan ke atas individu untuk menggalakkan pematuhan dan pilihan mengenai apa yang dilihat untuk sosial penerimaan sebagai contoh kepada tekanan sosial yang meningkat untuk mengambil bahagian dalam pendidikan tinggi (Samsudin, 2004).

Hubungan maklumat dan pengaruh yang berbeza wujudnya kesukaran dalam proses pemilihan pelajar ke IPT. Pengetahuan atau maklumat yang diperolehi menjadi sukar untuk menentukan pilihan yang tepat (Yusoff, Jaafar, dan Mahmood, 2011). Pengaruh daripada ibu bapa, rakan sebaya, guru, saudara mara dan masyarakat memberi kesan terhadap pemilihan pelajar ke IPT, dimana pelajar tidak membuat kajian terhadap reputasi sesebuah IPT (Chih dan Roberts, 2003).

Faktor-faktor yang menentukan pemilihan pelajar ke IPT adalah sumber maklumat dan pengaruh. Di mana sumber maklumat yang disampaikan oleh IPT perlu jelas dan mudah untuk difahami. Ini kerana pemilihan pendidikan pelajar turut menjadi tanggungjawab ibu bapa. Ibu bapa menjadi salah satu faktor yang akan menjadi pertimbangan pelajar untuk membuat keputusan dalam pemilihan ke IPT. Selain itu, pengaruh daripada rakan, saudara mara dan guru membantu dalam pemilihan pelajar ke IPT (Ibrahim, 2014).

Menurut Hishammudin dalam Baharin Abu (2010) mengatakan ibu bapa merupakan kumpulan rujukan terpenting dikalangan anak-anak di dalam sistem kekeluargaan di Malaysia. Dorongan ibu bapa dan anggota keluarga sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemilihan ke IPT, ini kerana ibu bapa dan anggota keluarga merupakan pendorong yang kuat kepada keputusan pemilihan pelajar. Menurut Najib (2002) minat kepada sesuatu bidang adalah timbul berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pendedahan yang diterima oleh pelajar melalui persekitaran hidup pelajar.

Sumber maklumat dan pengaruh yang hanya diterima daripada rakan-rakan kadangkala tidak relevan, jika pelajar itu tidak membuat kajian terhadap IPT yang dipilih ia akan memberi kesan kepada masa hadapan pelajar. Seperti salah memilih IPT dan program yang tidak diminati, pelajar mungkin mempunyai masalah di pertengahan semester dan tidak meneruskan pengajian kerana masalah-masalah tertentu (Zamri dan Razak, 2013).

Terdapat juga pelajar yang memilih kursus profesional di IPT berdasarkan pengaruh ahli keluarga terdekat yang menceburi di dalam bidang yang sama atau hampir sama. Ibu bapa, adik-beradik, saudara yang bekerja di dalam bidang profesional secara tidak langsung telah mempengaruhi keputusan pelajar sewaktu melakukan permohonan ke IPT (Najib, 2002). Berdasarkan kajian di atas banyak faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT, kajian ini telah dijalankan dalam pendekatan yang berbeza. Oleh itu, kajian ini adalah sebahagian daripada kajian-kajian yang lepas sebagai satu usaha untuk mencari faktor utama yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

2.6 Kewangan

Menurut Huston (2010), kewangan merupakan perihal wang yang melibatkan keadaan atau urusan berkaitan wang. Ianya merupakan dana atau aliran mata wang yang digunakan dalam urusan perniagaan atau jual beli. Kewangan secara tidak langsung melibatkan pengurusan kehidupan seharian. Unsur-unsur sistem kewangan mula terbentuk apabila aktiviti ekonomi beralih kepada penggunaan secara meluas mata wang bukan komoditi seperti syiling (Yusof, 2010).

Kos sara hidup bermaksud perbelanjaan yang perlu ditanggung untuk membiayai kehidupan seharian. Ianya juga menceritakan kepada kita perihal keadaan pembangunan masyarakat setempat yang hidup dalam lingkungan sesuatu kos yang digunakan dan memilih untuk meneruskan kelangsungan hidup (Syahidah, 2012). Pengurusan berkaitan kos yuran pengajian, kos perjalanan, kos hidup, kos kesihatan dan risiko turut berpengaruh (Grant dan Parker, 2009).

Kos pengajian menjadi sebab utama para pelajar membuat penilaian dengan teliti dan membuat keputusan bersesuaian dengan tahap ekonomi keluarga. Sekiranya ibu bapa mempunyai pekerjaan yang baik dan mampu menyediakan keperluan asas untuk ahli keluarga pastinya anak-anak yang akan membuat pilihan untuk melanjutkan pengajian dengan lebih selesa dan yakin (Othman, 2006). Di Jordan, kos pengajian menjadi faktor utama dalam keputusan pelajar memilih universiti dan program pengajian (Shammot 2011).

Tidak semua keluarga mampu untuk menanggung kos perbelanjaan pengajian pelajar, apabila institusi menawarkan bantuan kewangan seperti pinjaman atau biasiswa kepada pelajar melalui agensi kerajaan atau swasta, ianya dapat mengurangkan beban keluarga (Tin, Rahmah, Noorasiah, dan Othman, 2012). Yuran dan kos perbelanjaan pengajian dianggap sebagai satu faktor yang boleh memberi implikasi kepada pelajar dalam memilih sesebuah IPT untuk meneruskan pengajian (Azhar dan Suzieliana, 2003).

Menurut Nordin (2012), Malaysia tidak seperti negara-negara lain dalam memberi pinjaman kepada pelajar untuk menanggung kos sara hidup. Ini adalah kerana tidak ada negara yang memberi pinjaman sara hidup kepada pelajar dengan jumlah yang tinggi. Namun kenaikan kos sara hidup yang tinggi pada masa ini juga memberi kesan kepada pelajar IPT. Oleh sebab itu, pelajar IPT mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah ini bagi menampung kehidupan harian. Contohnya, pelajar memilih untuk bekerja sambil kerana menyedari tidak boleh bergantung dengan wang pinjaman pendidikan (Berita Harian, 2015).

Kajian terhadap kos juga merupakan faktor kerana ianya melibatkan dengan yuran pengajian dan kos sara hidup pelajar (Beine, 2011). Faktor kos juga berkaitan dalam pemilihan ke IPT kerana pembayaran yuran pengajian dan perbelanjaan seharian pelajar diambil kira (Syahidah, 2012). Kos merupakan salah satu elemen yang penting kerana kos adalah pengaruh secara negatif dan bantuan kewangan pula merupakan pengaruh positif terhadap keputusan pelajar bagi melanjutkan pengajian (Joseph dan Joseph, 1998).

Berdasarkan kajian yang lepas kewangan merupakan satu faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Oleh itu, kewangan menjadi salah satu faktor yang penting yang dikaji pada kajian ini untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar dan IPT tentang faktor utama yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Oleh itu, dihipotesiskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT.

2.7 Reputasi

Menurut Saputra (2014), reputasi ditakrifkan sebagai nama baik atau pencapaian yang diperolehi. Reputasi juga terkandung pelbagai dimensi lain seperti dipandang tinggi atau penilaian. Menurut Alessandri, Yang dan Kinsey (2006), reputasi merupakan pencapaian yang diberikan oleh pekerja kepada organisasi sepanjang perkhidmatan atas pengalaman. Reputasi adalah penilaian yang diperolehi dari kejayaan atau usaha dalam pembangunan ekonomi (Pradiptia, 2010).

Terdapat empat faktor penting dalam proses pemilihan pelajar ke IPT perlu diketahui iaitu dari segi kelayakan tenaga pengajar, penggunaan bahasa pengantar, pencapaian akademik dan kokurikulum (Falindah, Razak, dan Rohaizat, 2010). Menurut Keling (2006), kajian yang telah dijalankan ke atas mahasiswa mendapati reputasi institusi yang mempengaruhi kerjaya masa hadapan pelajar. Penawaran program kepada pelajar perlu mengikut kesesuaian kelayakan pelajar dan reputasi IPT (Rahayu, Tan, Samsinar, dan Md, 2000).

Menurut Pradiptia (2010), faktor yang mendorong graduan tidak memperolehi pekerjaan mungkin disebabkan program yang diikuti oleh pelajar semasa di IPT berbeza dengan bidang pekerjaan yang hendak diceburi. Selain itu, graduan daripada IPT yang mempunyai reputasi yang cemerlang mungkin mempengaruhi majikan dalam memilih graduan untuk memenuhi kekosongan jawatan. Kebanyakan graduan tidak memilih program yang menjadi permintaan pasaran kerja tetapi memilih program yang lebih kepada kepuasan diri sendiri, ini menyebabkan graduan sukar untuk mendapat pekerjaan.

IPT yang mencerminkan reputasi yang bersih seperti mempunyai kualiti staf yang bagus, pentadbiran yang cekap, mementingkan kebajikan pelajar dan mampu mengeluarkan graduan yang bermutu adalah universiti yang sepatutnya dipilih (Idrus dan Zaharudin, 2001).

Reputasi IPT merupakan hal penting yang perlu dipertimbangkan, hal ini berkaitan dengan masa hadapan pelajar dalam bidang pekerjaan. Reputasi yang baik sesebuah IPT akan mendokong graduan menghasilkan prestasi kerja yang baik pada masa hadapan (Saputra, 2014). Menurut Alessandri dan Yang (2006) reputasi IPT, program

akademik yang ditawarkan, kualiti program penyelidikan dan lokasi IPT sebagai pengaruh pilihan mereka ke IPT.

Selain itu, reputasi akademik merupakan faktor yang mempengaruhi bakal pelajar bagi menentukan IPT. Pelajar membuat pertimbangan di dalam pemilihan dari segi minat dan kesesuaian pelajar agar tidak berlakunya keraguan atau pilihan yang salah (Saputra, 2014). Reputasi sesebuah institusi dapat diukur seperti kepakaran tenaga pengajar, jumlah pendaftaran secara keseluruhan pelajar dan pencapaian akademik (Indrajit dan Djokopranoto, 2006).

Menurut Matzdorf, Smith, dan Agahi (2003), untuk memilih sesebuah IPT faktor paling penting adalah akademik di mana program yang ditawarkan mempunyai kelulusan daripada MQA. Perakuan Akreditasi MQA terhadap program-program yang ditawarkan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kemasukan pelajar ke IPT yang dipilih (Sailin et al., 2014). Kualiti program yang diiktiraf juga merupakan faktor penting yang akan mempengaruhi keputusan pemilihan pelajar terhadap IPT (Yuzainee, Fadhilah dan Faridah, 2011).

Institusi yang mempamerkan reputasi yang baik seperti mempunyai kualiti staf yang baik, pentadbiran yang cekap, mementingkan kebajikan pelajar dan mampu melahirkan graduan yang bermutu adalah institusi yang perlu dipilih oleh pelajar dalam pemilihan ke IPT (Idrus dan Zaharuddin, 2001). Kejayaan sesebuah IPT dapat dilihat dengan terhasilnya graduan yang berpengetahuan dan berkeyakinan dalam menghadapi cabaran di alam perkerjaan (Yahya dan Ismail, 2011).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan kajian dalam bidang pendidikan menggunakan kaedah dan pendekatan yang berbeza telah dilakukan di Malaysia (Bakar *et al.*, 2012). Oleh itu, pengkaji menggunakan faktor reputasi di dalam kajian ini bagi menentukan faktor pemilihan pelajar ke IPT. Berdasarkan perbincangan dapatan ulasan karya yang berbeza, maka dihipotesiskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT.

2.8 Infrastruktur

Menurut Minhat (2010), infrastruktur ditakrifkan sebagai kemudahan atau perkhidmatan asas seperti kemudahan pendidikan, pengangkutan, kesihatan, bekalan air dan sebagainya. Infrastruktur merupakan kemudahan yang boleh disampaikan melalui penyediaan aset seperti ruang pembelajaran, ruang asrama, pendingin udara, kerusi, meja, komputer dan sebagainya. Dengan adanya aset-aset berkenaan, maka infrastruktur adalah sempurna dalam membolehkan penyampaian sesuatu maksud perkhidmatan (Konting, 2000).

Dalam pelaksanaan Pembangunan Pendidikan, setiap institusi pengajian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia akan dipastikan mempunyai infrastruktur yang berkesan, mencukupi dan berkualiti untuk pelaksanaan kurikulum yang efektif (Berita Harian, 2007). Infrastruktur yang sempurna perlu di dalam pengurusan IPT bagi keselesaan pelajar untuk meneruskan pengajian. Kemudahan seperti perpustakaan, dewan kuliah, makmal komputer, kediaman pelajar dan keselamatan perlu disediakan oleh IPT (Chapman, 2010). Infrastruktur memainkan peranan yang penting dalam

pemilihan pelajar ke IPT. Pelajar akan memilih IPT yang menyediakan infrastuktur yang lengkap bagi memudahkan proses pembelajaran (Samsudin, 2004).

IPT perlu membangunkan prasarana yang lengkap untuk memudahkan proses pembelajaran dan keselesaan kepada pelajar. Ini kerana kecenderungan pelajar terhadap infrastruktur dalam memilih IPT (Matzdorf *et al*, 2003). Infrastruktur seperti kemudahan pengangkutan, jalan raya, dan keselamatan yang baik mempengaruhi proses pemilihan pelajar ke IPT serta membolehkan ibu bapa melawat anak mereka dengan mudah (Yuzainee *et al*, 2011). Aspek keselamatan di kampus dan kediaman pelajar yang baik dan teratur dapat mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT (Ann dan Siang, 2010).

Infrastruktur yang tidak dapat berfungsi dengan baik adalah di antara faktor persekitaran dalam bilik kuliah yang boleh menyebabkan masalah pembelajaran dan pengajaran. Sesebuah bilik kuliah dalam keadaan kemudahan yang tidak lengkap akan menyebabkan pelajar merasa tidak selesa dan hilang tumpuan terhadap pembelajaran. Oleh itu, faktor bilik kuliah boleh mempengaruhi kepuasan pelajar terhadap kemudahan yang disediakan (Minhat, 2010).

Menurut Nurulhuda, Chai dan Fazli (2009), sebagai pusat inovasi, pengetahuan dan kebudayaan, perpustakaan mempunyai peranan penting dalam pendidikan. Perpustakaan merupakan pusat bersepadu untuk mengumpul, memilih, menyusun dan menyebarkan alat atau bahan pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam bentuk bercetak atau bukan bercetak dengan aktif dan bermakna bagi memenuhi kehendak pelajar. Ini bermaksud bahan-bahan itu boleh dicari dan digunakan dengan mencukupi

dan mudah. Justeru itu, bahan-bahan dan suasana perpustakaan yang tidak dilengkapi dengan keadaan yang baik akan mempengaruhi proses pembelajaran pelajar.

Kafeteria dianggap sebagai tempat penyediaan makanan dan minuman kepada pelajar dalam kampus. Oleh itu, pihak institusi pengajian perlu menjaga kualiti makanan dan peralatan kafeteria supaya kepuasan pelajar terhadap kemudahan kafeteria dapat dipertingkatkan (Minhat, 2010). Penginapan bukan sahaja tempat tinggal tetapi meliputi keseluruhan tempat pembelajaran dan sosialisasi. Pembangunan seseorang pelajar dipengaruhi oleh objektif institusi pengajian, saiz institusi pengajian, kurikulum pengajian dan penilaian yang dijalankan, susun atur asrama, fakulti dan pentadbiran institusi pengajian, dan budaya yang dibentuk atau diamalkan dalam kalangan para pelajar. Persekitaran untuk pembelajaran yang berkesan merupakan satu bentuk persekitaran yang menarik dengan reka bentuk dan pengurusan kemudahan yang sempurna dan mengambil kira penghuni serta aktiviti di dalamnya. Oleh itu, pihak institusi pengajian yang menyediakan kemudahan tempat kediaman ini harus mencapai kepuasan yang diinginkan oleh pelajar (Marginson dan Rhoades, 2002).

Berdasarkan ulasan karya terdahulu pelbagai pendekatan dan kaedah yang berbeza dalam menentukan kepentingan infrastruktur terhadap IPT di Malaysia (Samsudin, 2004; Matzdorf *et al*, 2003; Yuzainee *et al*, 2011; Ann dan Siang, 2010). Namun sedikit kajian yang fokus terhadap hubungan infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT. Kajian ini mengkaji infrastruktur sebagai salah satu faktor pemilihan pelajar ke IPT.

2.9 Kesimpulan

Berdasarkan hasil ulasan karya yang terdahulu, sumber maklumat dan pengaruh mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemilihan pelajar ke IPT. Maklumat yang mudah untuk diakses dapat mempengaruhi tarikan pelajar (Beine, 2011). Kewangan juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pemilihan pelajar ke IPT. Kos pengajian menjadi faktor utama dalam keputusan pelajar memilih universiti dan program pengajian (Shammot 2011). Reputasi juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemilihan pelajar ke IPT. Menurut Alessandri dan Yang (2006) reputasi IPT, sebagai pengaruh pilihan mereka ke IPT. Akhir sekali kajian terdahulu juga menyatakan infrastruktur juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pemilihan pelajar ke IPT. Aspek keselamatan di kampus dan kediaman pelajar yang baik dan teratur dapat mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT (Ann dan Siang, 2010).

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan


Metodologi penyelidikan ini menerangkan pembolehubah kajian iaitu pembolehubah tak bersandar dan bersandar, hipotesis, reka bentuk kajian, definisi istilah, pengukuran, persampelan, prosedur pengumpulan data dan teknik analisis data.

3.1.1 Pembolehubah Kajian

Pembolehubah dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pembolehubah bebas dan bersandar. Pembolehubah tak bersandar adalah faktor dari segi maklumat, kewangan, reputasi, infrastruktur. Manakala pembolehubah bersandar pula adalah pemilihan ke institusi pengajian tinggi (KUIN).

3.2 Rangka Kerja Kajian

Gambar rajah 3.1



3.3 Hipotesis

Hipotesis 1 – Terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Hipotesis 2 – Terdapat hubungan yang signifikan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Hipotesis 3 - Terdapat hubungan yang signifikan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Hipotesis 4 – Terdapat hubungan yang signifikan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT.

3.4 Reka Bentuk Kajian

Memahami dan menggunakan metodologi kajian yang sesuai adalah penting kepada semua pengkaji. Secara umumnya dua pendekatan digunakan untuk menjalankan kajian, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif (Sekaran, 2003).

Sekaran (2003) menyatakan kuantitatif kajian dilakukan berdasarkan data deskriptif. Metodologi kajian ini mewujudkan hubungan yang umum di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar di dalam populasi (Zikmund, Fagerlin, Fisher dan Ubel, 2010). Oleh itu, pendekatan kuantitatif lebih sesuai digunakan di dalam kajian ini untuk menguji hipotesis di mana wujudnya hubungan yang signifikan diantara sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastruktur terhadap pemilihan pelajar ke IPT.

3.5 Pengumpulan Data

Data adalah maklumat asas yang diperakui kebenarannya yang dianalisis di dalam kajian ini. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah data utama. Data utama akan dikumpul melalui soal selidik yang diberikan kepada responden yang merupakan pelajar di KUIN, Kuala Ketil, Kedah.

3.5.1 Populasi Kajian

Populasi kajian ini adalah seramai 370 orang pelajar tahun pertama sesi 2014/2015 di KUIN, hanya 196 orang pelajar digunakan sebagai sampel daripada jumlah populasi itu.

3.6 Persampelan

Menurut Sekaran (2000), persampelan adalah satu proses pemilihan sesuatu jumlah populasi yang mencukupi. Oleh itu, sesuatu kajian yang dibuat memerlukan sampel yang berkaitan untuk memahami ciri-ciri atau kehendak responden bagi membolehkan satu kesimpulan dibuat ke atas ciri-ciri atau kehendak populasi tersebut. Dengan menggunakan sample keputusan yang diperolehi dapat mengurangkan kesilapan semasa pengumpulan data. Berdasarkan populasi dan cadangan oleh Morgan dan Krecjie seperti dipetik daripada Sekaran (2003).

Jadual 3.2: Jumlah Sampel Berdasarkan Jumlah Populasi Sekaran, (2003)

Populasi	Sampel
290	165
300	169
320	175
340	181
360	186
380	191
400	196
420	201

3.6.1 Teknik persampelan

Menurut Sekaran (2013) persampelan merupakan satu ciri penting setiap penyelidikan. Fungsi persampelan dalam penyelidikan adalah untuk menganggarkan ciri-ciri yang tidak dikenali. Terdapat pelbagai teknik persampelan yang digunakan dalam bidang akademik. Penyelidik telah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dalam memilih 196 responden untuk mewakili saiz sampel. Prosedur untuk memilih sampel adalah persampelan rawak mudah. Sampel dipilih daripada pelajar-pelajar KUIN.

Persampelan rawak mudah ialah persampelan di mana setiap elemen dalam populasi itu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Sekaran (2013) telah menyenaraikan empat tahap yang perlu seseorang lakukan dalam persampelan rawak mudah iaitu mendapatkan satu rangka persampelan yang lengkap. Kedua, memberikan tiap-tiap ahli satu nombor khas. Ketiga menentukan saiz persampelan. Keempat, memilih ahli-ahli mengikut saiz sampel yang telah ditentukan berdasarkan jadual nombor rawak dan memilih ahli daripada angka rawak tersebut. Pengkaji telah melakukan semua langkah-langkah dalam melakukan persampelan rawak mudah, pertama pengkaji telah mendapatkan senarai nama bagi populasi kajian, kedua pengkaji memberikan nombor kepada semua senarai nama, ketiga pengkaji menentukan saiz sampel, keempat pengkaji memilih sampel secara rawak melalui tabung yang mempunyai nombor yang mewakili sampel. Nombor yang dipilih pengkaji secara rawak itu akan dijadikan sebagai sampel kepada kajian ini.

3.7 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian menggunakan soal selidik sebagai medium memperolehi data. Soal selidik ini dikendalikan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan kerana responden yang ditemui memahami dan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kandungan yang terdapat dalam soal selidik ini adalah soalan yang berkaitan dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu maklumat atau pengaruh, Kewangan, reputasi dan infrastktur. Pembolehubah bersandar iaitu pemilihan pelajar ke IPT (KUIN).

Soal selidik telah dibahagikan kepada empat bahagian termasuk faktor demografi. Bahagian A meliputi ciri-ciri demografi responden. Bahagian ini bertanya soalan mengenai umur, jantina, program pengajian, bangsa dan latar belakang pendidikan responden.

Bahagian B meliputi nilai dan matlamat responden. Manakala Bahagian C meliputi faktor sumber maklumat dan pengaruh. Bahagian D -: kewangan, Bahagian E -: reputasi dan Bahagian F -: infrastruktur.

Jadual 3.3: Item Pembolehubah Bersandar dan Tidak Bersandar.

Pembolehubah	Item	Sumber
Pemilihan pelajar ke IPT (bersandar)	1. Saya menghadiri taklimat mengenai proses permohonan universiti semasa sekolah menengah. 2. Saya tidak kisah universiti yang mana saya masuk untuk memperolehi segulung ijazah. 3. Memilih universiti adalah satu keputusan yang amat penting bagi saya. 4. Pemilihan universiti memberi kesan terhadap pekerjaan saya pada masa hadapan. 5. Adakah anda bersetuju program pengajian yang ditawarkan oleh pihak universiti perlu mengikut kelayakan akademik pelajar.	Beswick (1989), Samsudin (2004)

Sumber	1. Guru	Beswick (1989)
Maklumat dan Pengaruh (tidak bersandar)	2. Kaunselor sekolah 3. Ibu bapa 4. Rakan 5. Saudara-mara / Adik beradik 6. Bekas pelajar 7. Promosi yang dibuat university 8. Tawaran dari universiti 9. Sumber daripada bahan cetakan 10. Sumber daripada media social	
Kewangan (tidak bersandar)	1. Kos sara hidup rendah 2. Yuran pengajian 3. Biasiswa atau tajaan disediakan	Beswick (1989)
Reputasi (tidak bersandar)	1. Reputasi institusi 2. Reputasi program 3. Pencapaian pengajaran dan pembelajaran 4. Kepakaran tenaga akademik 5. Bahasa pengantar atau pembelajaran	Beswick (1989), Samsudin (2004)

Infrastruktur (tidak bersandar)	1. Kemudahan penginapan pelajar	Beswick (1989), Samsudin (2004)
	2. Kemudahan pengangkutan (bas)	
	3. Perpustakaan	
	4. Pusat komputer	
	5. Penggunaan wifi mudah	
	6. Pusat sukan	
	7. Pusat komuniti (Bank, mesin ATM, kafe, kedai)	
	8. Pusat kesihatan	

3.7.1 Ukuran Pembolehubah

Mengikut Zikmund *et al.* (2010), dalam kajian ini, 5 skala ukuran digunakan. Mengikut skala yang diberikan, lebih besar jawapan, ia menunjukkan lebih positif terhadap maklum balas. Pengukuran pemilihan pelajar ke IPT adalah dengan menggunakan skala ukuran yang dibahagi kepada lima pilihan jawapan seperti berikut:

Jadual 3.4: Ukuran Pembolehubah

Perincian	Ukuran
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Seimbang	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Sumber: Zikmund *et al.* (2010)

3.8 Statistik kajian dan Analisis

Pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan perisian statistik '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS versi 20) sistem untuk analisis kebolehpercayaan (*reliability test*). Analisis data juga boleh ditafsirkan sebagai teknik untuk mendapatkan pemahaman, mentafsir data yang telah dikumpul daripada kajian ini melalui soal selidik (Zikmund *et al.*, 2010).

3.8.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif, seperti min dan sisihan piawai digunakan untuk penjelasan dalam mengenalpasti situasi setiap pembolehubah (bersandar dan tidak bersandar). Nilai *mean* diperolehi melalui lima sekala Likert di mana nombor yang lebih besar adalah lebih baik untuk setiap pembolehubah. Nilai yang hampir dengan lima dianggap lebih

baik, manakala nilai yang hampir kepada kosong dianggap buruk. Skor yang sama atau lebih dari empat menunjukkan sangat setuju dengan kriteria tertentu, skor yang sama atau kurang daripada dua dianggap tidak setuju dengan kriteria tertentu dan bila skor min tiga dianggap sebagai seimbang (Bhatti, 2012)

3.8.2 Analisis Korelasi

Analisis korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar untuk mengenalpasti kekuatan dan arah hubungan melalui korelasi sama ada lemah atau kuat (*significant*) positif atau negatif. Analisis korelasi adalah hubungan antara dua pembolehubah dalam bentuk linear. Di mana pekali (coefficient) ini mempunyai pelbagai nilai dari -1 hingga +1, yang mana nilai ini menunjukkan kekuatan hubungan sesuatu pembolehubah (Coakes, 2013). Secara teorinya, hubungan korelasi yang sempurna positif antara dua pembolehubah kebiasaanya menunjukkan keputusan +1.0, atau sempurna negatif menunjukkan -1.0. Namun dalam keputusan yang sebenar setiap korelasi kesemua pembolehubah adalah berbeza antara satu sama lain. Dalam kajian ini analisis korelasi dijalankan untuk melihat adakah sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastruktur mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

3.8.3 Analisis Regresi Linear Berganda

Hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar dapat dilihat daripada hasil analisis korelasi, namun begitu keputusan dari analisis korelasi masih belum jelas dan penting untuk melihat sejauh mana pembolehubah tidak bersandar mempengaruhi pembolehubah bersandar, atau berapa peratus sumbangan R^2 *square* dan melihat antara kesemua pembolehubah tidak bersandar yang mana paling mempengaruhi pembolehubah bersandar. Kajian ini mempunyai empat pembolehubah tidak bersandar iaitu sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi serta infrastruktur. Manakala pembolehubah bersandar adalah pemilihan pelajar ke IPT. Tujuan analisis regresi linear berganda dijalankan dalam kajian ini adalah untuk melihat diantara ke empat-empat faktor iaitu sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi serta infrastruktur yang manakah paling mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Menurut Sekaran (2003) regresi linear berganda pada tahap $p < 0.05$ adalah signifikan.

3.9 Kajian Rintis

Untuk kajian rintis, 30 pelajar telah dipilih sebagai ujian percubaan untuk sampel. Kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji kebolehpercayaan alat kajian yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti sampel sebenar bagi menjalankan ujian rintis (Sekaran, 2003). Objektif kajian rintis dijalankan adalah untuk memastikan bahawa soal selidik memenuhi matlamat kajian dan boleh difahami oleh responden. Sekiranya soal selidik gagal untuk mencapai matlamat yang dikehendaki, pengkaji boleh

meminda soalan selepas kajian rintis (Sekaran, 2003). Menurut Sekaran (2003) tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrument kajian menunjukkan responden telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Beliau telah memberi garis panduan mengenai nilai *Cronbach's Alpha* yang menerangkan kekuatan hubungan seperti di Jadual 3.5:

Jadual 3.5: *Cronbach's Alpha*

Nilai Cronbach's Alpha	Kekuatan Hubungan
< 0.6	Lemah
$0.6 < 0.7$	Baik
$0.7 < 0.8$	Sangat Baik
$0.8 < 0.9$	Terbaik

Sumber: Sekaran (2003)

Daripada kajian rintis yang telah dijalankan kepada 30 orang pelajar sebagai sampel dan keputusan seperti di Jadual 3.6. Kesimpulan yang boleh dibuat daripada keputusan kajian rintis ini bahawa responden memahami soal selidik dan kajian boleh dilakukan. Nilai *alpha cronbach* adalah antara 0.605 ke 0.943.

Jadual 3.6: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

Bahagian	Pembolehubah	Cronbach's Alpha
Bersandar	Nilai dan Matlamat	0.731
Tidak Bersandar	Sumber Maklumat dan Pengaruh	0.828
Tidak Bersandar	Kewangan	0.605
Tidak Bersandar	Reputasi	0.870
Tidak Bersandar	Infrastruktur	0.943

3.10 Kesimpulan

Analisis kebolehpercayaan adalah satu prosedur yang memberikan maklumat tentang hubungan di antara item individu di dalam sekala dan konsistensi dalaman. Terdapat banyak pendekatan untuk menilai kebolehpercayaan seperti ujian semula, bentuk alternatif dan *alpha coefficient* dan juga dikenali sebagai *Cronbach's Alpha*.

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan hasil kajian daripada soal selidik yang telah dikumpulkan dan dianalisis. Hasil kajian ini memenuhi semua kriteria yang meliputi kehendak objektif dan hipotesis yang dibentuk dalam bab pertama dan bab kedua, dan seterusnya menggunakan kaedah kajian yang telah dibincangkan dalam bab tiga.

4.2 Analisis Umum Pengumpulan Data

Penyelidik telah mengedarkan sebanyak 370 naskah borang soal selidik kepada pelajar, namun berjaya mengumpulkan sebanyak 196 naskah borang soal selidik yang telah lengkap untuk dianalisis bagi mewakili populasi pelajar dalam pemilihan ke IPT.

4.3 Analisa Demografi Responden

Dalam bahagian ini, analisis statistik deskriptif digunakan untuk meninjau keadaan ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini. Analisis ini meliputi deskriptif mengenai jantina, umur dan taraf pendidikan. Keputusan deskriptif seperti Jadual 4.1

4.3.1 Jantina

Daripada jumlah responden yang telah menjawab soal selidik dengan lengkap, 52.6% adalah responden perempuan dan 47.4% pula daripada responden lelaki.

4.3.2 Umur

Bagi taburan umur pula menunjukkan pelajar yang berusia 18-20 tahun sebanyak 40.8%, manakala umur 21-24 tahun 52.0% dan umur 25-30 tahun mendapat 7.1% sebagai responden.

4.3.3 Taraf Pendidikan

Bagi tahap pendidikan pula, responden telah dibahagikan kepada beberapa peringkat untuk mengetahui latar belakang pendidikan responden. Peringkat diploma atau sijil, STPM atau STAM, SPM dan asasi. Untuk peringkat diploma atau sijil kekerapan yang diperolehi ialah seramai 61 responden atau 31.1%. Peringkat STPM atau STAM pula kekerapan yang diperolehi adalah seramai 110 responden atau 56.1%. Peringkat SPM pula seramai 17 responden atau 8.7%. Terakhir, peringkat asasi pula 8 responden atau 4.1% sahaja.

Jadual 4.1: Taburan Responden Berdasarkan Demografi

Faktor Demografi	Bilangan	Peratus (%)
Jantina :		
Lelaki	93	47.4
Perempuan	103	52.6
Umur :		
18-20 tahun	80	40.8
21-24 tahun	102	52.0
25-30 tahun	14	7.1
Taraf Pendidikan :		
Diploma atau Sijil	61	31.1
STPM atau STAM	110	56.1
SPM	17	8.7
Asasi	8	4.1

4.4 Kebolehpercayaan Kajian

Menurut Sekaran (2003), hasil ujian kebolehpercayaan *alpha cronbach* hendaklah sama atau melebihi 0.6. Jika keputusan yang diperolehi sama atau melebihi 0.6, ianya dianggap sebagai boleh dipercayai. Berdasarkan analisis *cronbach's alpha* ia menunjukkan bahawa keputusan yang boleh dipercayai dengan nilai alpha tertinggi (0.923) untuk infrastruktur, sumber maklumat dan pengaruh adalah nilai alpha kedua tertinggi (0.691), diikuti oleh reputasi dengan nilai (0.662), manakala kewangan (0.656), dan yang akhir adalah nilai dan matlamat pada nilai alpha (0.610) seperti dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Faktor	Item	Cronbach Alpha
Bersandar	Nilai dan Matlamat	5	0.610
Tidak Bersandar	Sumber Maklumat dan pengaruh	10	0.691
Tidak Bersandar	Kewangan	3	0.656
Tidak Bersandar	Reputasi	5	0.662
Tidak Bersandar	Infrastruktur	8	0.923

4.5 Kajian Analisis Korelasi

Kajian korelasi Pearson telah dijalankan untuk melihat hubungan di antara dua pembolehubah (Coakes, 2013). Secara umum, untuk sains sosial, korelasi 0.10, 0.30, dan 0.50 tanpa mengira tanda, adalah penunjuk seperti rendah, sederhana, tinggi (Green, Salkind dan Akey, 1997).

Semua pembolehubah tidak bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah positif dengan nilai dan matlamat. Sumber maklumat dan pengaruh korelasi yang tinggi iaitu 0.455. Keputusan kewangan ialah 0.369 korelasi yang sederhana. Manakala infrastruktur menunjukkan korelasi yang sederhana iaitu 0.194. Jadual 4.3 menunjukkan keputusan.

Jadual 4.3: Korelasi Pearson

		Nilai & Matlamat	Sumber maklumat & Pengaruh	Kewangan	Reputasi	Infrastruktur
Nilai & Matlamat	Pearson Correlation	1				
	Sig. (1-tailed)					
Sumber maklumat & Pengaruh	Pearson Correlation	.455**	1			
	Sig. (1-tailed)	.000				

Kewangan	Pearson Correlation	.369**	.628**	1		
	Sig. (1-tailed)	.000	.000			
Reputasi	Pearson Correlation	.015	.266**	.555**	1	
	Sig. (1-tailed)	.419	.000	.000		
Infrastruktur	Pearson Correlation	.194**	.469**	.449**	.622**	1
	Sig. (1-tailed)	.003	.000	.000	.000	
	N	196	196	196	196	196

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01

* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

4.6 Analisis Regresi Linear

Jadual 4.3 menunjukkan keputusan bagi korelasi antara sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi, infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT. Tanda (**) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di mana nilai signifikan ialah 0.01 atau kurang manakala tanda (*) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di mana nilai signifikan ialah 0.05.

Berdasarkan Jadual 4.3 hasil kajian menunjukkan bahawa korelasi antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT, korelasi antara kedua-dua pembolehubah adalah 0.455** di mana korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05.

Nilai signifikan sumber maklumat dan pengaruh adalah 0.001 ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Bagi faktor kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT, hubungan antara kedua-dua pembolehubah adalah 0.369** di mana korelasi adalah signifikan pada 0.05. Di samping itu, nilai signifikan bagi korelasi kewangan adalah 0.002. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Korelasi di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT adalah 0.015 di mana korelasi adalah signifikan pada 0.05. Nilai signifikan bagi reputasi ialah 0.001, ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Akhir sekali korelasi antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT adalah 0.194** di mana korelasi adalah signifikan pada aras 0.05. Di samping itu, nilai yang signifikan bagi infrastruktur adalah 0.232 ini mengesahkan bahawa tidak ada korelasi di antara kedua-dua pembolehubah.

Jadual 4.4: Analisis Regresi Linear

Pembolehubah tidak bersandar	Standardized Coefficiecnt		
	Beta	T	Sig
Constant			0.000 **
Sumber maklumat dan pengaruh	0.296	3.387	0.001**
Kewangan	0.300	3.193	0.002**
Reputasi	0.291	3.245	0.001**
Infrastruktur	0.105	1.199	0.232
R²	0.610		
Adjusted R²	0.591		

Nota: ** Kolerasi yang signifikan pada aras 0.05 ($P < 0.05$)

Pembolehubah Bersandar: Nilai dan Matlamat

Regresi di antara pemilihan pelajar ke IPT dengan sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastruktur. Jadual 4.4 menunjukkan bahawa nilai R- Square untuk kajian ini ialah 0.610 yang menunjukkan bahawa 61.0 % daripada variasi dalam pemilihan pelajar ke IPT boleh dijelaskan oleh empat pembolehubah tidak bersandar (sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi dan infrastruktur).

Berdasarkan Jadual 4.4 menunjukkan keputusan regresi linear. Beta (β) untuk sumber maklumat dan pengaruh, kewangan dan reputasi adalah signifikan dan positif, ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara sumber maklumat dan pengaruh, kewangan dan reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT. Sumber maklumat dan pengaruh ($\beta = 0.296$, $p < 0.05$) kewangan ($\beta = 0.300$, $p < 0.05$) reputasi ($\beta = 0.291$, $p < 0.05$). Hasil kajian ini menyokong hipotesis satu (H1) iaitu terdapat

hubungan yang signifikan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT dan hipotesis dua (H2) iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT dan hipotesis tiga (H3) iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Bagi faktor infrastruktur beta adalah ($\beta = 0.105$, $p > 0.05$) didapati tidak signifikan kerana nilai signifikan melebihi 0.05. Oleh itu, hasil kajian ini tidak menyokong hipotesis dua (H4) iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT.

4.7 Hasil Analisis Regresi Linear

Di bawah adalah jadual ringkasan semua hasil daripada analisis regresi linear berganda yang berkaitan dengan hipotesis dilakukan untuk kajian.

Jadual 4.5: Hasil Daripada Ujian Hipotesis

H	Hipotesis	P-Nilai	Keputusan
H1	Terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT.	0.000<0.05	H1 diterima

H2	Terdapat hubungan yang signifikan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT.	$0.002 < 0.05$	H2 diterima
H3	Terdapat hubungan yang signifikan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT.	$0.001 < 0.05$	H3 diterima
H4	Terdapat hubungan yang signifikan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT.	$0.232 > 0.05$	H4 ditolak

4.8 Kesimpulan

Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan dalam bab ini, kesimpulan yang boleh dibuat bahawa sumber maklumat dan pengaruh, kewangan dan reputasi adalah pembolehubah yang signifikan dalam pemilihan pelajar ke IPT. Manakala pembolehubah infrastruktur tidak signifikan dalam pemilihan pelajar ke IPT.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Bab ini membincangkan kesemua hasil dapatan kajian seperti yang telah dibincangkan dalam bab empat. Selain itu, kajian ini membincangkan persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian dan hasil kajian. Perbincangan dalam bab ini dihuraikan seterusnya berdasarkan keputusan yang diperolehi dalam bab empat.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Kajian ini cuba untuk mengenalpasti hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar (sumber maklumat dan pengaruh, kewangan, reputasi, infrastruktur) dan pembolehubah bersandar (pemilihan pelajar ke IPT). Kajian ini juga cuba mengenalpasti faktor manakah yang paling mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Untuk mengenal pasti hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT.
2. Untuk mengenal pasti hubungan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT.

3. Untuk mengenal pasti hubungan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT.
4. Untuk mengkaji hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT.

5.2.1 Sumber maklumat dan pengaruh bagi pemilihan pelajar ke IPT

Objektif pertama kajian iaitu hubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT. Menurut hipotesis yang pertama (H1) terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT. Hasil kajian mendapati bahawa faktor ini mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pemilihan pelajar ke IPT. ($\beta = 0,296$, $p < 0.05$). Ini adalah nilai yang tertinggi beta dalam model pembolehubah yang mempunyai pengaruh kuat dalam pemilihan pelajar ke IPT. Ianya menjawab persoalan pertama kajian ini iaitu “apakah perhubungan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT”. Dan menyokong hipotesis satu (H1) terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber maklumat dan pengaruh dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Hasil kajian ini adalah sama dengan kajian Beine (2011), Veloutsou *et al.*, (2004), Yusoff *et al.* (2011) yang mengesahkan bahawa sumber maklumat dan pengaruh secara langsung mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Hal ini kerana, sumber maklumat dan pengaruh penting dalam pemilihan pelajar ke IPT, sumber maklumat berperanan dalam menyampaikan jenis kursus, bayaran pengajian dan lain-lain, secara tidak langsung memberikan gambaran yang jelas kepada bakal pelajar keadaan yang

dihadapi jika mereka menyambung pengajian di sesebuah IPT (Othman dan Junizah, 2014).

Manakala faktor pengaruh juga berperanan di dalam pemilihan pelajar ke IPT. Ini kerana, pengaruh menyumbang dalam menentukan hala tuju seseorang. Samada pengaruh ibu bapa, rakan-rakan, dan media (Samsudin, 2004). Oleh itu, hasil kajian semasa menunjukkan sumber maklumat dan pengaruh mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

5.2.2 Kewangan bagi pemilihan pelajar ke IPT

Pada asasnya kajian ini untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Oleh itu, kewangan menjadi salah satu faktor yang boleh mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Persoalan kajian kedua iaitu “apakah hubungan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT?”. Menurut hipotesis yang kedua (H2) terdapat hubungan yang signifikan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT. Hasil kajian mendapati bahawa ia mempunyai hubungan positif dan signifikan di dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. ($\beta = 0,300$, $p < 0.05$). Oleh itu ianya menyokong hipotesis kedua (H2) iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara kewangan dengan pemilihan pelajar ke IPT.

Hasil kajian ini adalah sama dengan kajian Syahidah (2012), Azhar dan Suzieliana (2003), Tin *et al.* (2012) yang mengesahkan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

5.2.3 Reputasi bagi pemilihan pelajar ke IPT

Pada asas kajian ini untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Oleh itu reputasi menjadi salah satu faktor yang mungkin mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Persolan kajian ketiga “apakah perhubungan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT”. Menurut hipotesis ketiga terdapat hubungan yang signifikan di antara reputasi dengan pemilihan pelajar ke IPT. Hasil kajian mendapati ianya mempunyai hubungan yang positif dan signifikan di dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Reputasi ($\beta = 0,291$, $p < 0.05$). Oleh itu ianya menyokong hipotesis yang ketiga (H3).

Hasil kajian ini adalah sama dengan kajian Pradiptia (2010), Keling (2006), Rahayu *et al.* (2000) yang mengesahkan kewangan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Manakala hasil kajian semasa menunjukkan reputasi juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

5.2.4 Infrastruktur bagi pemilihan pelajar ke IPT

Kajian ini untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Oleh itu, infrastruktur menjadi salah satu faktor yang mungkin mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Persoalan kajian yang keempat apakah hubungan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT. Menurut hipotesis yang keempat (H4) “terdapat hubungan yang signifikan di antara infrastruktur dengan pemilihan pelajar ke IPT”. Hasil kajian mendapati bahawa infrastruktur mempunyai hubungan yang positif dengan pemilihan pelajar ke IPT tetapi tidak signifikan di dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. ($\beta = 0.105$, $p > 0.05$). Ini mungkin kerana pelajar-pelajar di KUIN tidak kisah tentang infrastruktur tetapi lebih tumpu kepada program yang ditawarkan yang tidak terdapat di IPT yang lain.

Hasil kajian faktor infrastruktur adalah tidak sama dengan kajian Chapman (2010), Samsudin (2004), Yuzaine *et al.*, (2000) yang mengesahkan infrastruktur mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Manakala hasil kajian semasa menunjukkan infrastruktur mempunyai hubungan yang positif tetapi tidak signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Mungkin kerana perbezaan kajian di mana kajian semasa fokus terhadap pelajar KUIN dan kajian yang lain dilakukan secara umum atau di IPT yang lain. Oleh itu, hasil kajian ini tidak menyokong kajian yang telah dilakukan oleh Chapman (2010), Samsudin (2004), Yuzaine *et al.*, (2000), Konting (2000), Matzdorf *et al.*, (2003) yang mana kajian mereka membuktikan infrastruktur mempunyai hubungan yang positif dan signifikan di dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT.

5.3 Limitasi kajian dan Cadangan

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar di KUIN, Kuala Ketil dan instrument kajian ini diambil dari pada kajian yang terdahulu oleh itu hasil kajian ini tidak dapat melambangkan pemilihan pelajar ke IPT yang sebenar. Untuk mendapatkan hasil kajian yang memberangsangkan, pengkaji boleh mencipta instrumen sendiri dan pengkaji boleh mengembangkan lokasi kajian di beberapa IPT di Malaysia. Ini dapat membantu pengkaji dalam mencapai objektif kajian. Kajian juga perlu menambah beberapa faktor lain untuk meningkatkan keputusan. Di bawah kajian ini, satu pembolehubah tidak bersandar yang tidak signifikan dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Mungkin kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar di KUIN. Pengkaji boleh mengabungkan pembolehubah ini untuk kajian masa hadapan dalam menambahkan ilmu pengetahuan kita dan menyumbang maklumat yang terperinci.

5.3.1 Promosi dan Publisiti

Kajian ini mendapati faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pemasaran produk pendidikan adalah tawaran oleh IPT seperti strategi pemasaran dan faktor persekitaran (Shahri, 2004). Menurut Semenik (2002), promosi adalah medium pemasaran yang mampu mempengaruhi individu untuk memilih jenama sesuatu produk atau perkhidmatan.

Namun, tidak dinafikan bahawa ada juga sesetengah pelajar yang memilih IPT berdasarkan pengiklanan dan promosi yang dijalankan oleh IPT bertujuan untuk aktiviti pemasaran (Jusoh, 2006). IPT yang aktif menjalankan aktiviti pemasaran tetapi kurang bagus prestasinya juga akan dapat menarik kemasukan pelajar. Ini kerana kurangnya pengetahuan pelajar mengenai sesebuah IPT yang ada sekarang akan menjadikan pelajar-pelajar mudah tertarik dengan promosi-promosi sebegini. Sumber maklumat yang boleh dipercayai akan menyebabkan pelajar memilih sesebuah IPT hasil daripada promosi yang berkesan (Pradiptia, 2010).

Oleh itu, disarankan bahawa pemasaran pendidikan perlu ditingkatkan kepada guru sekolah atau kaunselor dalam menyampaikan penerangan dan maklumat mengenai IPT kepada pelajar. Keyakinan ibu bapa dan pelajar terhadap penerangan yang disampaikan oleh guru juga dapat mempengaruhi pemilihan ke IPT (Samsudin, 2004).

Kempen promosi perlu dilakukan dari semasa ke semasa di sekolah-sekolah bagi mendekatkan hubungan IPT dengan pelajar dalam menyampaikan maklumat. Dengan ada promosi ini pelajar akan mendapat maklumat yang tepat tentang IPT dan meningkatkan keupayaan membuat keputusan mereka dalam memilih universiti tanpa dipengaruhi oleh rakan-rakan, ibu bapa dan sebagainya (Kitsawad, 2013).

Dengan adanya promosi seperti ini, ianya dapat membantu ibu bapa dan pelajar di dalam membuat pemilihan ke IPT bagi meneruskan program pengajian yang diminati pelajar ke peringkat pendidikan tinggi serta dapat melancarkan proses pembelajaran pelajar.

5.3.2 Program Pengajian

Pemilihan universiti juga berkait rapat dengan program pengajian yang akan diikuti oleh pelajar bagi mencapai cita-cita mereka. Ia perlu kepada persediaan dan perancangan rapi terutama dalam mendapatkan maklumat berkenaan bidang kerjaya yang boleh diceburi selepas tamat pengajian. Ketepatan pemilihan program pengajian berkait rapat dengan maklumat yang diperolehi oleh seseorang tentang sesuatu kerjaya. Pemilihan ini juga boleh digambarkan menerusi pemilihan pelajar terhadap bidang pengajian dan pusat pengajian tinggi tertentu (Mohamad dan Tap 2002).

Pengkaji mencadangkan bahawa program yang ditawarkan oleh pihak IPT mampu menarik minat pelajar dalam memilih IPT untuk meneruskan pengajian mereka. Kepelbagaian pilihan program yang ditawarkan IPT adalah faktor yang paling penting kepada pelajar untuk memilih IPT. Ini dapat menggalakkan pelajar untuk meneruskan pengajian mereka (Ariffin, 2011).

Perakuan Akreditasi MQA terhadap program-program yang ditawarkan oleh IPT merupakan faktor utama dalam mempengaruhi pemilihan pelajar ke IPT. Kualiti program yang diiktiraf merupakan faktor penting dalam mempengaruhi kerjaya masa hadapan pelajar serta memudahkan graduan mendapat tempat dalam pelbagai sektor pekerjaan (Sailin, 2006).

IPT perlu membina kerjasama dengan badan-badan korporat untuk melaksanakan penempatan pekerjaan. Misalnya penempatan bagi latihan industri, setelah pelajar tamat latihan tersebut pelajar dibenarkan untuk bekerja di firma-firma secara

percubaan. Pelajar kemudiannya boleh ditawarkan sebagai kakitangan jika perkhidmatan mereka memuaskan semasa percubaan (Awang, Ramli, dan Ibrahim, 2012).

5.4 Kesimpulan

Objektif kajian yang telah diperolehi sepenuhnya dan keputusan menunjukkan bahawa faktor sumber maklumat dan pengaruh mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap pemilihan pelajar ke IPT, manakala kewangan, reputasi dan infrastruktur mempunyai hubungan yang positif tetapi tidak signifikan terhadap pemilihan pelajar ke IPT di KUIN. Secara kesimpulannya pemilihan pelajar ke IPT di kalangan pelajar boleh dipengaruhi oleh banyak faktor. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada IPT, penyelidik, syarikat-syarikat dan masyarakat untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan ke IPT.

RUJUKAN

- Abeless, T. P. (2001). Rethinking the university. *The Journal of Future Studies, Strategic Thinking and Policy*, 3(6). 563-568.
- Abu, B. (2010). Faktor-faktor Yang Mendorong Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Memilih Bidang Perguruan. *Artikel Pendidikan*, 2(4). 1-9.
- Ahmad, A. (2008). Kepentingan Pendidikan Dalam Penbentukan Kualiti Hidup Sejahtera. *Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan*.
- Alessandri, S. W., Yang, S., & Kinsey, D. F. (2006). An Integrative Approach to University Visual Identity and Reputation. *Corporate Reputation Review*, 9(4). 258-270.
- Ann, T. B., & Siang, L. C. (2010). Analisis Persepsi Tentang Malaysia Sebagai Destinasi Pengajian Di Kalangan Pelajar China. *Journal of Education and Information Technologies*, 5 (2). 56-66.
- Ariffin, A. A. (2011). *Faktor-Faktor Yang Menentukan Pemilihan Pelajar Mengikuti Kursus Di Kolej Komuniti Di Sekitar Negeri Johor Asrol* (Master's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia).
- Awang, A. H., Ramli, Z., & Ibrahim, I. (2012). Faktor Tarikan Pelajar Siswazah Antarabangsa Ke Universiti Penyelidikan Di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6). 32-41.
- Azhar, A., K, M., & Suzieliana, A. (2003). Kriteria-Kriteria Pemilihan Perkhidmatan Lembaga Tabung Haji Oleh Pelanggan. Retrieved From http://repo.uum.edu.my/2294/1/Kriteria_Pemilihan_Lembaga_Tabung_Haji_1.pdf

- Bakar, N. A., Saberi, M. H., Faisol, N., Derus, M. M., Ali, S., & Dahlan, F. M. (2012). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Profesional Di Universiti Awam Di Malaysia: Tinjauan Awal*, 315-323.
- Beine, M. (2011). The Determinants of International Mobility of Students, Epee, University Of Evry and Cepii. *Journal of Development Economics*, 95(3). 30 - 42.
- Berita Harian (2015). Penghasilan Bakat Cemerlang Di IPT. Oleh Irwan Shafrizan Ismail, Selanjutnya di: <http://www.bharian.com.my/node/44098>.
- Berita Harian (2007). Kuasai Bahasa Inggeris melalui Sains dan Matematik. Oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.
- Beswick, R. L. (1989). *A Study Of Factors Associated With Student Choice In The University Selection Process* (Unpublished Doctoral Dissertation). University Of Lethbridge, Alberta.
- Bhatti, W. A., Hee, H. C., & Sundram, V. P. K. (2012). *A Guide For Beginners: Data Analysis Using Spss And Amos*. Kuala Lumpur: Persoan Malaysia Sdn. Bhd.
- Briggs, S. (2006). *An Exploratory Study of The Factors Influencing Undergraduate Student Choice: The Case Of Higher Education In Scotland*, *Studies In Higher Education*, 31 (6), 705-722.
- Buntat, Y. (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, *International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment*, 1-8.
- Carayannis, E., Evans, D., & Hanson, M. (2003). A Cross Culture Learning Strategy For Enterepreneurial Education: Outline Of Key Concepts And Lessons Learned From A Comparative Study Of Entrepreneurship Student In France And Us. *Journal Of Technovation*, 23(9). 757-771.

- Chapman, D. W. (2010). A Model of Student Collage Choice, *Journal of higher Education*, 52(5). 490-505.
- Chiclana, F.F. Herrere & Viedma, E.H. (1998). Integrating Three Representation Model in Fuzzy Multi-purpose Decision Making Based on Fuzzy Preferene Relations. *Fuzzy Sets and Systems* 97. 33-48.
- Chih, C., & Roberts, E. L. (2003). Energy Substrates For Neurons During Neural Activity: A Critical Review Of The Astrocyte-Neuron Lactate Shuttle Hypothesis. *Journal Of Cerebral Blood Flow And Metabolism*, 23. 1263–1281
- Coakes, S. J. (2013). *Spss: Analysis Without Anguish: Version 20 For Windows*. John Wiley & Sons Australia Lt Std.
- Comm, C. L., & Labay, D. G. (1996). Repositioning Colleges Using Changing Student Quality Perceptions: An Exploratory Analysis. *Journal Of Marketing For Higher Education*, 7(4), 21-35. Retrieved From [Http://Dx.Doi.Org/10.1300/J050v07n04_02](http://Dx.Doi.Org/10.1300/J050v07n04_02)
- Crossman, A. (2010). Rational Choice Theory: An Overview Retrived. *Retrieved From [Http://Sociology.About.Com/Od/Sociological-Theory/A/Rational-Choice-Theory.Htm](http://Sociology.About.Com/Od/Sociological-Theory/A/Rational-Choice-Theory.Htm)*
- Edwards, P. N., Jackson, S. J., Bowker, G. C., & Knobel, C. (2007). Understanding Infrastructure: Dynamics, Tensions and Design; National Science Foundation. *Office of Cyber infrastructure: Arlington, VA, USA*, 22(3), 575-607.
- Falindah, S., Razak, A., & Rohaizat, B. (2010). International Student’S Choice Behavior for Higher Education at Malaysian Private Universities. *International Journal of Marketing Studies*, 2(2). 202-211.

- Fernandez, J. L. (2010). An Exploratory Study of Factors Influencing The Decision Of Students To Study At University Sains Malaysia. *Journal Kajian Malaysia*, 28(2). 107-136.
- Grant, A. M., & Parker, S. K. (2009). 7 Redesigning Work Design Theories: The Rise of Relational and Proactive Perspectives. *The Academy Of Management Annals*, 65-107.
- Green, S. B., Salkind, N., & Akey, T. (1997). *Sing Spss For Windows: Analyzing And Understanding Data*. Prentice Hall.
- Hair, A., Ramli, Z., & Ibrahim, I. (2012). Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti penyelidikan di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(6). 32-41.
- Hannukainen, K. (2008). Why Do Chinese Students Choose To Study In The Helsinki Region Retrieved From [Http://Www.Helsinki.Fi/News/Archive/8-2008/19-12-12-42](http://www.helsinki.fi/news/archive/8-2008/19-12-12-42) (Accessed January 2009).
- Harun, M. K. (2009). International Student Mobility & The Uitm Study Abroad programme. *Prosiding Seminar on employability enhancing graduate employability: Issues, concerns & the way forward*, 21 – 22.
- Hoyer, W. D., & Macinnis, D. J. (2000). *Consumer Behaviour*, Second Edition, Houghton Mifflin: Boston.
- Huston, S. J. (2010). Measuring Financial Literacy. *Article first published online: 1 Jun 2010*. 4 (2). 296–316
- Iberahim, H. (2014). Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan Serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik Di UTHM (*Master's thesis, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia*). Retrieved from http://eprints.uthm.edu.my/5348/1/Hasmah_Binti_Iberahim.pdf

- Idrus, & Zaharuddin, A. (2001). *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti: Transformasi & Cabaran UTM. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru*. Retrived From <http://www.penerbit.utm.my/cgi-bin/katalog/buku.cg>.
- Indrajit, & Djokopranoto. (2006). *Managemen Perguruan Tinggi Modern. Yogyakarta: Andi Offset*.
- Ismail, N. (2009). *Mediating Effect of Information Satisfaction on College Choice. Paper Presented In Oxford Business & Economics Conference Program. UK*.
- Jackson, G. A. (1982). *Public Efficiency and Private Choice In Higher Education. Education Evaluation and Policy Analysis, 4(2). 237-247*.
- Joseph, M., & Joseph, B. (1998). *Identifying Need of Potential Students In Tertiary Education For Strategy Development. Quality Assurance In Education, 6(2). 90-96*.
- Jusoh, N. (2006). *Kajian Mengenai Faktor-Faktor Pemilihan Pelajar Matrikulasi Ke Universiti Tempatan (Ipta) Dan Kursus Pendidikan (Master's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia)*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ Dbp. Retrieved From <Http://Prpm.Dbp.Gov.My/Search.Asp?K=Reputasi>
- Keling, S. B. (2006). *Institutional Factors Attracting Students to Malaysian Institutions of Higher Learning. International Journal of Business and Social Science, 2(1). 46-64*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/ipta>

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Plan Strategik Interim-Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 (1st Ed.). *Terbitan: Cetakan Pertama 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012.*

Kementerian Pengajian Tinggi. (2007). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara: Peletakan Asas Melangkaui 2020, National Higher Education: Laying the Foundation Beyond 2020. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Kerajaan Tanggung 90 Peratus Kos Pelajar Di Ipta, Ptptn Hanya Untuk Kos Sara Hidup - Berita Semasa Mstar. (2012, May 28). *Retrieved From* [Http://Www.Mstar.Com.My/Berita/Berita-Semasa/2012/05/28/Kerajaan-Tanggung-90-Peratus-Kos-Pelajar-Di-Ipta-Ptptn-Hanya-Untuk-Kos-Sara-Hidup](http://www.Mstar.Com.My/Berita/Berita-Semasa/2012/05/28/Kerajaan-Tanggung-90-Peratus-Kos-Pelajar-Di-Ipta-Ptptn-Hanya-Untuk-Kos-Sara-Hidup)

Kim, D. J., Agrawal, M., Jayaraman, B., & Rao, H. R. (2003). A Comparison Of B2b E-Service Solutions. *International Journal of Communications*, 46(12). 317-324.

Kitsawad, K. (2013). An Investigation Of Factors Affecting High School Student's Choice Of University In Thailand (*Doctoral Dissertation, University Of Wollongong*). *Retrieved From* [Http://Ro.Uow.Edu.Au/Theses/3779](http://ro.uow.edu.au/theses/3779)

Konting, M. M. (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Siri Pendidikan.

Lau, N. C. (2006). Characterization of The Pirna Complex From Rat Testes. *Science*, 313(5785). 363-367.

Marginson, S., & Rhoades, G. (2002). Beyond National States, Markets, and Systems of Higher Education: A Glonacal Agency Heuristic. *Higher Education*, (43). 281-309.

- Matzdorf, F., Smith, L., & Agahi, H. (2003). The Impact of Facilities on Student Choice of University. *International Journal of Facilities*, 21(10). 212-222.
- Meshi, D., Drew, M. R., Saxe, M., Ansorge, M. S., David, D., Santarelli, L, Hen, R. (2006). Hippocampal Neurogenesis Is Not Required For Behavioral Effects Of Environmental Enrichment. *Nature Neuroscience*, 9(6). 406-417.
- Minhat, N. (2010). *Kepuasan Pelajar Terhadap Kemudahan Yang Disediakan Di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*. *Journal Pendidikan*. 1-13.
- Mohamad, N., & Tap, A. O. (2002). Keutamaan pemilihan bidang dan tempat pengajian: Pendekatan konjoin kabur. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif*, 4(1). 11-24.
- Mok, K. H. (2011). The Quest for Regional Hub Of Education: Growing Heterarchies, Organizational Hybridization, And New Governance In Singapore And Malaysia. *Journal of Education Policy*, 1(26). 61-81.
- Najib, M. (2002). *Perkembangan Dan Pemilihan Kerjaya Remaja*. Selangor, Federal Publications.
- Nordin, K. (2012). Kerajaan Tanggung 90 Peratus Kos Pelajar Di Ipta, Ptptn Hanya Untuk Kos Sara Hidup - Berita Semasa Mstar. Retrieved From [Http://Www.Mstar.Com.My/Berita/Berita-Semasa/2012/05/28/Kerajaan-Tanggung-90-Peratus-Kos-Pelajar-Di-Ipta-Ptptn-Hanya-Untuk-Kos-Sara-Hidup/](http://Www.Mstar.Com.My/Berita/Berita-Semasa/2012/05/28/Kerajaan-Tanggung-90-Peratus-Kos-Pelajar-Di-Ipta-Ptptn-Hanya-Untuk-Kos-Sara-Hidup/)
- Nurulhuda, R., Chai, S. F., & Fazli. I. (2009). Kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan perpustakaan universiti awam di Malaysia. Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, N., & Junizah, I. (2014). Pengaruh Pemilihan Pengajian Ke Kolej Komuniti Dan Cadangan Promosi Selangor. *Artikel Pendidikan*.

- Othman, F. 2006. Hubungan status sosioekonomi keluarga dengan pencapaian pelajar bumiputera dan bukan bumiputera dalam mata pelajaran matematik di dua buah sekolah daerah Johor Bahru. *Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Malaysia*.
- Piaw, C. Y. (2004). *Kaedah Penyelidikan. Buku (1)*. Mc Graw Hill Education.
- Piaw, C. Y. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan. Kaedah Dan Statistik Penyelidikan, Analisis Data Skala Ordinal Dan Skala Nominal Buku (3)*. Mc Graw Hill Education.
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (Kpm). (N.D.). Retrieved From <Http://Www.Moe.Gov.My/V/Ipta>
- Pradiptia, A. P. (2010). *Reputasi Program Studi Pendidikan Dokter Di Fakultas Kedokteran Universitas Gadjah Mada Menurut Mahasiswa Asal Malaysia* (Unpublished Master's Thesis). Universitas Atma Jaya Yogyakarta, Indonesia.
- Prajarto, N. (2008). Efektivitas Publisitas: Menilai Reputasi Institusi. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 6(2).78-84.
- Price, I., Matzdorf, F., Smith, L., & Agahi, H. (2003). The Impact Of Facilities On Student Choise Of University, *Journal Facilities*, 21(10). 212-222.
- Private Colleges. (N.D.). Retrieved From <Http://Www.Etawau.Com/Edu/Indexcollegeprivate.Htm>
- Rahayu, S., Tan, H., Samsinar, & Md, S. (2000). Marketing Analysis Of Higher Education Service Sector In Malaysia: Consumer Perspective, *Pertanika Journal Of Social Sciences And Humanities*, 8(1), 1-6.
- Ross, C., & Wu, C. L. (1996). Education, Age, and The Cumulative Advantage In Health. *Journal of Health and Social Behavior*, 37(1). 104-120.

- Saad, N. (2007). Meritokrasi: Faktor Sosio Ekonomi Dan Peluang Pendidikan Tinggi. *In: The 5th ASEAN Symposium on Educational Management and Leadership (ASEMAL 5)*, 18-19 August 2007, Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Sailin, R. (2006). Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Publisiti Dan Promosi Pendidikan Dalam Mempengaruhi Kemasukan Ke Ipts Bumiputera (*Unpublished Master's Thesis*). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Sailin, R., Othman, N., Hamid, N. A., Khalid, N., Awang, A. H., & Nor, M. F. (2014). Faktor Pendorong Kemasukan Pelajar Baharu Ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis), 17-18.
- Samsudin, J. (2004). Students Choices of University from Consumer Behavior Perspectives: Case Study of Uum Undergraduate Students (*Unpublished Master's Thesis*). Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Saputra, H. Y. (2014). *Pengaruh Biaya Pendidikan, Latar Belakang Sosial Ekonomi, Dan Reputasi Progdil Terhadap Minat Mahasiswa Dalam Memilih Progdil Akuntansi Di Upn Veteran Jawa Timur*. Universitas Pembangunan Nasional Veteran, Jawa Timur, Indonesia.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*, 6th Edition (6th Ed.).
- Sekaran, U. (2000). *Research Methods For Business: A Skills Building Approach* (3rd Ed.). Carbonadale: John Wiley & Sons, Inc.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business: A Skills Building Approach* (4th Ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research Methods For Business A Skill Building Approach* (15th Ed.).

- Semenik, J. S. (2002). *Promotion & Integrated Marketing Communication*.
- Shahri, A. A. (2004). Faktor Pengaruh Pemasaran Di Ipts Malaysia: Satu Pandangan. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shamot, M.M. (2011). Factors affecting the Jordanian students' selection decision among private universities. *Journal of Business Studies Quarterly*, 2(3). 57-63.
- Sidek, M.N. (2008). Pengujian dan Penilaian dalam Kaunseling; Teori dan Aplikasi. *Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia*.
- Soutar, G. N., & Turner, J. P. (2002). Student's Preferences For University: A Conjoint Analysis. *The International Journal of Educational Management*, vol. 16. 1-17.
- Syahidah, N. (2012). Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup. *Pegawai Penyelidik Pusat Kajian Ekonomi Dan Kemasyarakatan. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Sumber dari: Utusan Malaysia*.
- Tin, P. B., Rahmah, I., Noorasiah, S., & Othman, N. (2012). Globalization and The Factors Influencing Households? Demand For Higher Education In Malaysia. *International Journal of Education And Information Technologies*, 6(3). 269-271.
- Veloutsou, C., Lewis, J. W., & Paton, R. A. (2004). University Selection: Information Requirements and Importance. *International Journal of Educational Management*, 3(18). 160-171.
- Verbik, L., & Lasanowski, V. (2007). International Students Mobility: Patterns And Trends. *World Education News and Reviews, World Education Services. The Observatory on borderless higher education Woburn House*, 20(24). 1-48.

- Yahya, A., & Ismail, N. (2011). Faktor-Faktor Pemilihan Kursus Dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan, 2. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 1(2). 93-106.
- Yusoff, M. Y., Jaafar, J., & Mahmood, A. K. (2011). The Visual Wiki For The First Step Of Kms In Community College. *National Postgraduate Conference (NPC)*, 1-6
- Yusof, S. M. (2010). Sistem Kewangan Islam Dan Konvensional: Satu Perbandingan Kritis. Selanjut di http://E-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas_persidangan/2010/10/sistem_kewangan_islam_dan_konvensional_satu_perbandingan_kritis.pdf
- Yusof, M.M & Jemain, A.A.(2004). Pendekatan Kabur Untuk Mengenal Pasti Kriteria mempengaruhi Pelajar Memilih Institusi pengajian Tinggi Awam (Ipta). *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*. 40(35). 59 -71.
http://www.academia.edu/3012036/Pendekatan_Kabur_untuk_Mengenal_Pasti_Kriteria_Mempengaruhi_Pelajar_Memilih_Institusi_Pengajian_Tinggi_Awam_IPTA_
- Yuzainee, M. Y., Fadhilah, A. R., & Faridah, B. (2011). Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Memilih Universiti: Kajian Kes. *Prosiding Ist International Symposium On Condusive Learning Environment For Smart School*.
- Zamri, A., & Razak, N. (2013). Assessing Factors Influencing Students Choice of Malaysian Public University: A Rasch Model Analysis, 3(1). 19-24.
- Zazali, M., Rozelina, Maisura, & Nabihah, A. (2005). Ipts: Aksesibiliti Kepada Peranan Ipta. *Seminar Pendidikan 2005, Falkulti Pendidikan*, UTM.
- Zikmund, Fagerlin, A., Fisher, B. J., & Ubel, P. A. (2010). A Demonstration Of Less Can Be More In Risk Graphics. *Med Decis Making*, 30(6). 661-671.